

BERITA HARIAN

**Nakhaie Ahmad
menulis**

nakhaieyadim@hotmail.com

Ujian kematangan rakyat pilih kerajaan

Kepemimpinan negara yang cemerlang dan terbilang, hanya akan muncul daripada kalangan rakyat yang matang

PADA zaman awal Islam, pelbagai kaedah digunakan untuk orang Islam memilih pemimpin yang akan menunaikan tanggungjawab sebagai pemerintah. Pemilihan pemerintah tidak terikat kepada satu cara tertentu saja. Yang penting cara digunakan itu mestilah paling berkesan untuk memilih pemimpin berwibawa yang dipatuhi dan dipersetujui rakyat.

Bagaimanapun pada zaman ini pemilihan pemimpin yang akan dilantik menjadi pemerintah menerusi sistem demokrasi adalah cara terbaik, berbanding mengambil dan merampas kepemimpinan melalui revolusi dan memaksa dengan kekerasan.

Walaupun sistem demokrasi itu produk pemikiran Barat, cara inilah yang paling baik untuk dilaksanakan di dunia Islam sementara tidak ada cara lain yang lebih baik yang dapat digunakan sebagai sistem pemilihan kepemimpinan negara.

Sistem demokrasi mungkin telah memenuhi kriteria sebagai syurayag menjadi asas pelantikan kepemimpinan dan pelaksanaan dasar pemerintahan negara. Sementara tidak ada alternatif yang lebih baik, kaedah pilihan raya untuk memilih pemimpin yang akan memerintah negara ini cukup relevan dan memenuhi keperluan semasa.

Walaupun sistem demokrasi dan pemilihan melalui pilihan raya mempunyai kelemahan tersendiri, ia dapat memenuhi keperluan semasa. Sepanjang sejarah pilihan raya di negara ini, ternyata sistem ini berjalan lancar dan pemilihan kerajaan berlaku secara adil dan saksama. Ia memenuhi tuntutan Islam supaya kepemimpinan mendapat baiah dan keredaan rakyat.

Rakyat mempunyai kebebasan untuk memilih calon yang disukainya dan yang dilihat sesuai dengan hasratnya. Merekayang mendapat kemenangan majoriti akan menubuhkan kerajaan dan menjadi pemerintah yang sah. Yang memainkan peranan penting dalam pemilihan kerajaan ialah rakyat sendiri.

Justeru, rakyat yang mempunyai kesedaran dan berilmu serta bermaklumat, pasti akan dapat menggerakkan proses pemilihan kepemimpinan dengan lebih lancar. Pembentukan rakyat yang berfikir akan memantapkan proses demokrasi dan pilihan raya menjadi kaedah lebih mantap dan berkesan untuk pembentukan kerajaan yang bertanggungjawab.

Bagi membina kesedaran rakyat suatu acuan ilmu pengetahuan dan keupayaan memproses maklumat di kalangan rakyat adalah penting supaya kematangan rakyat dapat dibina dari semasa ke semasa. Kematangan rakyat menjadi unsur penting bagi melahirkan kepemimpinan negara yang lebih berkaliber pada masa depan. Kepemimpinan negara

yang cemerlang dan terbilang, hanya akan muncul daripada kalangan rakyat yang matang.

Pilihan Raya Umum Ke-11 ini akan menguji kematangan rakyat di negara ini. Mereka mempunyai dua pilihan yang masing-masing dikemukakan oleh kerajaan yang memerintah negara ini sejak merdeka yang diwakili Barisan Nasional (BN) dan gabungan pembangkang yang diwakili Pas, Keadilan dan PRM serta DAP.

BN yang menggabungkan 14 parti politik di negara ini mengemukakan konsep perkongsian kuasa antara pelbagai parti yang mewakili pelbagai kaum. Perkongsian kuasa itu telah mewujudkan keseimbangan yang membuahkan kestabilan politik dan keharmonian hidup antara kaum. Dalam Suasana aman dan stabil, usaha membangunkan negara ini dapat dilakukan sehingga negara berada pada tahap yang ada sekarang ini.

Kejayaan negara sekarang ini banyak bergantung kepada kestabilan dan keberkesanan rancangan pembangunan kerajaan yang memerintah negara ini sejak merdeka. Ternyata bahawa konsep perkongsian kuasa, pemuafakatan dan kerjasama antara kaum, membawa negara ini ke arah kemakmuran dan kesejahteraan.

Parti pembangkang yang masing-masing memainkan peranan berasingan mengikut kaum, berusaha mewujudkan gagasan baru yang berasaskan kepada kerjasama antara pelbagai parti politik pembangkang di negara ini.

Pada pilihan raya umum lalu, pakatan mereka kelihatan lebih bermakna berbanding pilihan raya kali ini. Mereka sering gagal mengemukakan gagasan yang menjamin kerjasama dan hidup harmoni antara kaum di negara ini. Pakatan pembangkang pada pilihan raya 1999 telah berkecai. Anggota gabungan yang tinggal hanya Pas, Keadilan dan PRM. DAP tidak lagi ikut serta.

Ternyata pembangkang gagal mengemukakan formula kerjasama yang menjamin kehidupan harmoni dan kestabilan berkekalan di negara ini jika ia berkuasa. Tanpa kestabilan dan muhibah antara kaum, pasti negara ini akan diancam kekacauan dan anarki. Keadaan

ini akan menyekat perkembangan kemajuan. Kejayaan negara akan terbelengkalai.

Pilihan raya kali ini sekali lagi menguji rakyat sama ada akan memilih konsep dan gagasan yang berjaya meletakkan negara ini pada arena kejayaan atau rakyat akan memilih parti atau individu atau sentimen *anti-establishment* akan mempengaruhi pemilihan yang akan dilakukan. Di sinilah ukuran kematangan rakyat yang akan diperlihatkan pada pilihan raya kali ini.

Kita akan dapat melihat apakah orang Melayu akan memilih calon bukan Melayu yang mewakili BN, berasaskan pertimbangan bahawa yang dipilih bukan individu berkenaan tetapi gagasan dan konsep perkongsian kuasa yang berkesan yang didukung oleh BN. Apakah orang Cina akan memilih parti pembangkang, kerana sentimen *anti-establishment* yang meluap-luap diwarisi daripada masyarakat di Seputih, Kepong atau kawasan lain yang dimenangi oleh DAP setiap kali pilihan raya diadakan?

Apakah orang Melayu di Kelantan dan Terengganu akan memilih Pas kerana parti itu sebuah parti Islam, walaupun perjuangan Islam yang dibawanya masih kabur dan gagal mengemukakan agenda yang konkrit untuk mengisi erti keislaman itu. Atau apakah pengundi di Kelantan, Terengganu dan Kedah mula menilai kembali semangat keislamannya dan memihak kepada perjuangan Umno yang menampilkan perjuangan Islam berdasarkan Islam hadhari, yakni Islam yang dilihat daripada perspektif ketamadunan.

Apakah dengan membuat pilihan berdasarkan sentimen keagamaan, seorang pengundi Islam akan berasa dirinya cukup Islamik dan berasa lega kerana menyangka bahawa ia telah menunaikan tuntutan agamanya.

Pilihan yang ada di depan rakyat akan menguji kematangan rakyat untuk memilih kerajaan. Pada pilihan raya kali ini kita akan dapat melihat sama ada sikap rakyat telah berubah atau berada pada takuk lama juga.

Pemilihan berasaskan konsep dan gagasan kerjasama antara kaum yang membawa kemakmuran dan kejayaan, sentimen *anti-establishment*, sentimen kepartian dan agama, akan menjadi ukuran sama ada rakyat di

negara ini membuat pilihan yang matang atau sebaliknya.

Rakyat yang berfikiran matang akan melihat jauh ke depan dan tidak melayani kehendak sentimen semata-mata, sama ada sentimen kepartian atau keagamaan. Bagi orang Islam apa yang harus mereka lihat ialah kedudukan Islam pada masa kini dan masa depan.

Apakah dengan hanya memilih parti berjenama Islam, maka kedudukan agama Islam terjamin pada masa depan, sedangkan tidak ada perancangan dan formula yang mantap untuk menstabilkan negara ini, jika parti berjenama Islam itu memerintah. Dalam keadaan yang tiada jaminan kestabilan itu, apakah kedudukan Islam akan lebih kukuh?

Walaupun pada akhir-akhir ini ada perubahan sikap di kalangan parti agama seperti Pas dan parti perkauman seperti DAP yang turut melihat pentingnya konsep perkongsian kuasa dan kerjasama antara kaum, mereka tidak mempunyai formula bagi menghayati kesedaran itu.

Perasaan tidak percaya antara satu dengan yang lain masih menebal di kalangan pemimpin dan ahli kedua-dua parti itu. Janggankan perkara besar yang menyentuh dasar negara, persefahaman menggunakan simbol yang sama untuk pembangkang menghadapi pilihan raya pun tidak dapat diselesaikan.

Adalah nyata bahawa kerjasama dan persefahaman yang mantap di kalangan parti pembangkang berada di dalam keadaan seperti kata pepatah 'jauh panggang dari api.'

Pas cuba meredakan kemustahilan ini dengan menawarkan kerajaan campuran antara Pas dengan parti bukan Melayu dalam komponen BN seperti MCA, MIC dan Gerakan. Tetapi tawaran itu tidak lebih dari hanya jenaka politik, kerana kemungkinan untuk Pas menyingkirkan daripada arena politik negara ini hanya igauan semata-mata.

Pas tidak mungkin dapat menyingkirkan Umno di Sabah, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. Impian Pas untuk menawan Pahang, Selangor, Kedah dan Perlis juga menepati maksud pepatah bermimpi di siang hari. Bahkan kemaraan BN di Kelantan dan Terengganu turut merisaukan parti itu.

Justeru, pelawaan Pas untuk menubuhkan kerajaan campuran dengan MCA, MIC dan Gerakan muncul sebagai jenaka politik paling lucu dalam pilihan raya kali ini.